

Newspaper	SUARA KEADILAN
Date	22 NOVEMBER 2016

Mahathir seru rakyat bersama pembangkang

Suara Keadilan
- 22/11/2016

Oleh NADIA HANAFI

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengejutkan peserta perhimpunan Bersih 5 apabila tiba di Dataran Maybank bersama Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan anaknya, Mukhriz Mahathir walaupun sebelum ini beliau dikhabarkan ke luar negara.

Kemudian mereka bergerak ke KLCC selepas Dataran Merdeka, tempat yang sepatutnya semua berkumpul telah dihadang dan dikawal rapi oleh pihak polis.

Menurut Tun Mahathir, beliau baru tiba di Malaysia jam 12 tengahari dari Sudan dan bergegas untuk bersama-sama rakyat dalam perhimpunan Bersih 5 ini demi menolak



pentadbiran kleptokrasi dan zalim.

Beliau turut mengakui ini adalah perhimpunan terbesar yang pernah di-

lihatnya selama berpuluh-tahun beliau mentadbir negara sebelum ini dan beliau turut menyatakan rasa bangganya dengan

rakyat Malaysia yang turun bersama-sama pada Bersih 5 ini.

"Saya terlibat dalam politik selama 70 tahun

"Saya terlibat dalam politik selama 70 tahun dan saya mengaku tidak pernah lihat demo sebegini besar. Ini tunjuk perasaan rakyat menghadapi kleptokrasi,"

MAHATHIR MOHAMAD
Bekas Perdana Menteri

dan saya mengaku tidak pernah lihat demo sebegini besar. Ini tunjuk perasaan rakyat menghadapi kleptokrasi," katanya di hadapan lebih kurang 100 ribu peserta Perhimpunan di KLCC.

Katanya lagi, rakyat Malaysia perlu berusaha untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib yang disifatkan tidak layak memegang tampuk kuasa sedia ada kerana menyalahgunakan kuasa yang ada.

"Kita lihat negara kita dikuasai oleh perompak, penyangak dan pencuri. Malaysia tidak lagi pegang sistem demokrasi ini tetapi sebagai kleptokrasi," katanya ditemani Tun Dr Siti Hasmah Ali yang tidak berganjak walaupun hari hujan.

Justeru, beliau juga menyeru semua rakyat untuk berjuang bersama-sama pihak pembangkang melawan kezaliman yang berlaku di negara ini.